

INSPIRASI PERCUTIAN KU!

MAC 2012
EDISI 16



santai

@ TRAVEL

KDNRPPI7018/10/2012/030936

10*

DESTINASI MESTI PERGI
KUALA LUMPUR

NOSTALGIA
KERETA API
SABAH

EKSPLORA
MENYU
TASIK TELUK ANSON

Saiful Ibrahim
RASAI KEHANGATAN
KL GRAND PRIX CITY



MAC 2012 • RM7.00



MALAYSIA RM7.00
SINGAPORE S\$4.50
OTHERS RM6.50

Sejenak Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Ahmad Fuad Ismail

SANTAI: Bagaimana Tan Sri meletakkan hala tuju pembangunan di Kuala Lumpur khususnya dalam menarik kunjungan pelancong domestik dan antarabangsa?

Tan Sri Ahmad Fuad Ismail: Hala tuju pembangunan di KL khususnya dalam menarik kunjungan pelancong dalam dan luar negara ialah dengan memastikan pembangunan yang bersesuaian di Kuala Lumpur mengambil kira penyediaan kemudahan untuk pengusaha pelancong serta para pelancong. Hala tuju ini akan diimplimentasikan bagi tujuan memberikan standard ground delivery yang cemerlang setiap masa serta menjanjikan para pelancong mendapat kepuasan penuh apabila melawat KL. Bagi produk pelancongan sediada, promosi dalam bandar raya (internal awareness) akan dipertingkatkan bagi mendedahkan produk-produk tersebut kepada pelancong yang sedang bercuti di KL. Industri pelancongan di KL telah terbukti bukan sahaja menyumbang kepada pendapatan ekonomi bagi KL malahan meningkatkan peluang-peluang pekerjaan kepada wargakota, meningkatkan imej KL di arena industri pelancongan di peringkat global serta menarik pelaburan asing dalam membangunkan produk berasaskan pelancongan di KL.

SANTAI: Peranan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam memperhebatkan lagi industri pelancongan di Kuala Lumpur?

Tan Sri Ahmad Fuad Ismail: DBKL memainkan peranan utama dalam membangunkan infrastruktur serta fasiliti produk pelancongan serta memastikan Bandar Raya Kuala Lumpur dalam keadaan kondusif serta selamat untuk di kunjungi. Dalam masa yang sama DBKL turut memberikan galakan kepada pihak swasta untuk turut serta membangunkan produk pelancongan yang bersesuaian. Turut diberi perhatian ialah kemudahan untuk pelbagai pihak mengadakan acara serta festival bertaraf antarabangsa yang dapat menarik kemasukkan para pelancongan.

SANTAI: Sejauh mana produk pelancongan di Kuala Lumpur mampu bersaing dengan negara luar?

Tan Sri Ahmad Fuad Ismail: Kita mempunyai banyak produk berstatus 'state-of-the arts' seperti Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang telah berjaya bersaing di peringkat antarabangsa dalam bidang MICE dengan penganjuran pelbagai konvensyen antarabangsa. Terdapat juga banyak hotel serta pusat membeli-belah bertaraf antarabangsa serta tempat makan pelancong yang menarik. Menara Berkembar Petronas umpamanya adalah antara bangunan yang tertinggi di dunia dan telah menjadi teraju utama dalam menarik ramai kunjungan pelancong dari luar negara untuk melawat Kuala Lumpur.

SANTAI: Adakah DBKL akan menambah lagi produk pelancongan dan infrastruktur pelancongan sebagai satu usaha

merancakkan lagi industri pelancongan di Kuala Lumpur?

Tan Sri Ahmad Fuad Ismail: Ya, terutamanya bagi mengadakan produk-produk pelancongan yang berbentuk warisan. Ini berikutan dengan pertambahan minat di kalangan para pelancong untuk melawat kawasan bersejarah di sekitar Kuala Lumpur. Bagi tujuan ini kita akan membangunkan beberapa produk jejak warisan di mana semua informasi tentang sejarah warisan Kuala Lumpur dapat dilawati serta difahami oleh para pelancong. Turut akan terus dibangunkan dengan pelbagai kemudahan pelancong ialah di taman-taman di Kuala Lumpur termasuk Taman Botani bagi mewujudkan produk pelancongan yang berasaskan Green Tourism. Secara dasarnya DBKL akan turut memantau

mutu kemudahan pelancong di semua kawasan pelancongan Kuala Lumpur dengan mengadakan Jawatankuasa Audit Produk Pelancongan di bawah Majlis Pembangunan Pelancongan Kuala Lumpur.

SANTAI: Harapan Tan Sri terhadap industri pelancongan di Kuala Lumpur?

Tan Sri Ahmad Fuad Ismail: Saya berharap agar industri pelancongan akan dapat berkembang dengan skala yang konsisten setiap tahun dan seterusnya mendapat status destinasi pelancongan yang terbilang dan unggul sebelum tahun 2020. Setiap pengusaha produk pelancongan mestilah menjaga produk mereka supaya sentiasa dalam keadaan yang baik dan dinaik taraf dari masa ke semasa supaya ianya sentiasa relevant untuk di kunjungi. Wargakota juga disaran untuk sentiasa berada dalam keadaan 'welcoming' dan mesra apabila berhadapan dengan para pelancong sekali gus membantu membuat pelancongan rasa selesa.

